

Orang2 Islam akan lemah jika mereka berpecah: Amaran Mahathir

TIMBALAN perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata masyarakat Islam akan terus berpecah belah selagi ada pihak menyalahgunakan agama untuk kepentingan politiknya.

Katanya, ada parti yang menyalahfafsirkan agama dalam usaha mereka hendak mendapatkan sokongan dalam pilihanraya lalu.

Menurutnya, pada masa ini pun sudah terdapat beberapa kumpulan dalam masyarakat Islam yang terang-terang menyeleweng daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

Timbalan Perdana Menteri bimbang, sekiranya keadaan seperti itu dibiarkan terus berlaku masyarakat Islam akan menjadi lemah dan negara pada keseluruhannya akan hancur.

Memilih

"Kita bukanlah menentang Pas, tetapi menentang orang-orang yang menyalahgunakan agama untuk mencapai cita-cita politik mereka," kata Dato Seri Dr. Mahathir ketika berucap kepada penduduk-penduduk Kampung Putat, 21 batu dari sini.

Bellau menambah, dalam sebuah Negara demokrasi seperti Malaysia, adalah perlu diadakan beberapa buah parti politik su-

ALOR SETAR, Ahad

paya dapat diadakan pertandingan dalam pilihanraya-pilihanraya untuk memilih wakil-wakil rakyat.

Akan tetapi sangatlah mendukacitakan kerana terdapat ada pihak yang menggunakan tektik-tektik menyalahgunakan agama semata-mata untuk mendapatkan sokongan rakyat, katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir kesal kerana terdapat setengah-setengah guru yang telah melibatkan diri secara aktif dalam kempen-kempen pilihanraya dan membuat bermacam tuduhan dan fitnah terhadap para pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

Bellau lalu mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan mengikut jejak langkah orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti itu ataupun melakukan sesuatu yang hanya akan membawa akibat buruk kepada masyarakat dan negara.

"Biariah kita menjadi orang yang lebih bertanggungjawab dan melaksanakan tugas-tugas kita menurut ajaran Islam yang sebenarnya," kata Timbalan Perdana Menteri.

Kemudian, ketika berucap kepada kira-kira 3,000 orang penduduk di Kampung Meribut, 24 batu dari sini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, para pemimpin

Pas sentiasa hidup dalam khayalan.

Katanya, mereka itu mengkhayalkan mengenai berbagai perkara dan rancangan tetapi tidak pernah mahu menerima kenyataan.

Menurutnya, Pas terus menerus tidak mahu mengakui tentang faedah yang didapati hasil daripada pembangunan dan kemajuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tugas-tugas

Berucap diperjumpaan dengan 500 penduduk di Malaysia Bruhal, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para ibubapa yang mempunyai anak-anak menuntut di universiti mengawal mereka daripada dihasut oleh golongan yang berniat sesuatu.

Bellau berkata golongan tersebut merasa tidak cukup setakat menerima kenaikan gaji daripada Kerajaan malah mahu mengambilalih kuasa politik pula.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyebut peluang melanjutkan pelajaran ke universiti yang disediakan oleh Kerajaan bagi anak-anak muda tetapi mereka telah diberi fahaman yang berbeza oleh rakan-rakan yang tidak bertanggungjawab.

Bellau mengesyorkan supaya perjuang UMNO diperkenankan kepada anak-anak muda bagi menghargai nikmat yang mereka terima terutama di bidang pelajaran.